

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

SEPTEMBER 2002

RPK 351 – EKONOMI BANDAR DAN WILAYAH

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum **anda** memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan.

1. **Firma/industri** dan **isi rumah** mempunyai kriteria pemilihan lokasi di bandar yang berbeza. Jelaskan 5 perbezaan **UTAMA** kriteria pemilihan tersebut. Sertakan contoh yang berkaitan.

(20 markah)

2. Kemiskinan di bandar dikatakan berlaku berikutan daripada proses urbanisasi yang pesat. Jelaskan perkaitan tersebut.

(20 markah)

3. Sewaan mempunyai pengaruh penting dalam penentuan lokasi di bandar. Berdasarkan konsep siling sewaan (rent ceiling), jelaskan kaedah pemilihan lokasi **bagi** klien-klien **ini**:

- (a) Guru sekolah
- (b) Restoran Makanan
- (c) Petani Hidrofonik

(20 markah)

4. (a) Terangkan dan bezakan di antara jenis-jenis ekonomi di bandar:

- (i.) Ekonomi persetempatan
- (ii) Ekonomi perbandaran

- (b) Pembekalan perkhidmatan bandar oleh kerajaan tempatan didasarkan kepada 2 kaedah: **monopoli semulajadi** dan **eksternaliti positif**. Jelaskan.

(20 markah)

...2/-

5. “Pembangunan wilayah selalunya dipengaruhi oleh faktor luaran. Oleh itu, eksport amatlah penting kepada ekonomi wilayah”.
- (a) Jelaskan teori yang menerangkan pernyataan di atas.
 - (b) Terangkan **DUA** cara untuk menentukan wujudnya aktiviti eksport.

(20 markah)

6. Berikut adalah jumlah gunatenaga (dalam ribu) bagi dua sektor ekonomi sebuah wilayah dalam sebuah negara bagi tempoh 1995 – 2000:

Sektor	Wilayah		Negara		
	Tahun	1995	2000	1995	2000
Bukan Perkhidmatan		50	40	400	200
Perkhidmatan		30	60	600	1000
Jumlah		80	100	1000	1200

Berdasarkan maklumat yang diberikan di atas, jelaskan pertumbuhan ekonomi wilayah bagi tempoh 1995 – 2000 dengan menggunakan kaedah analisis syif-syer.

(20 markah)

7. Analisis Input-Output boleh dilakukan melalui Model berikut:

$$AX + D = X$$

yang mana

X ialah matriks keluaran setiap sektor ekonomi,

A ialah matriks koefisyen, dan

D ialah matriks permintaan akhir.

- (a) Terangkan Model tersebut dengan menggunakan matriks di atas.
- (b) Terangkan **DUA** Kegunaan Model Input-Output dalam analisis ekonomi wilayah.

(20 markah)

8. (a) Jelaskan ciri-ciri dan tren ketidakseimbangan wilayah di negara ini semenjak tahun 1965.
- (b) Sejauh manakah tindakan kerajaan dapat mengatasi masalah ketidakseimbangan wilayah di negara ini?.

(20 markah)